

Fenomena Sastera Islam di Indonesia

MOHD FAIZAL MUSA

ABSTRAK

Dekad 1970an menyaksikan penjelmaan sastera Islam di Indonesia menjadi fenomena. Kerancakan perkembangannya itu antara lain disebabkan oleh kebangkitan Islam di seluruh dunia yang turut memberi kesan kepada umat Islam di negara tersebut. Jelas, dunia sastera tidak terkecuali daripada bahang kebangkitan ini. Di Indonesia, fenomena ini berlaku dengan penglibatan aktif badan-badan dakwah. Ia juga berlaku kerana sambutan hangat masyarakat, dan dukungan pihak berautoriti seperti institusi pesantren. Gejala sastera Islam ini dapat dikesan menerusi penerbitan karya sastera Islam, aktiviti sastera Islam serta perbincangan mengenai wacana sastera Islam. Fenomena sastera Islam di republik tersebut lebih banyak dirancarkan perbincangan dan kegiatannya oleh badan-badan bukan kerajaan. Keadaan tersebut berlaku antara lain kerana terdapatnya perbezaan kaum dan agama yang besar di Indonesia. Ini tidak memungkinkan pihak pemerintah Indonesia untuk mempromosi agenda sastera Islam secara rasmi.

Kata kunci: sastera Islam, dakwah, kesenian Islam, kebangkitan Islam, fenomena sastera

ABSTRACT

During the 1970s, Islamic literature in Indonesia became a literary phenomenon. The acceleration of growth is caused by the rise of Islam globally that later impacted on Muslims in the country. Clearly, the literary world was not spared from the heat of this revival. In Indonesia, the furore occurs with the active involvement of Islamic missionary bodies. It also took place because of overwhelming support by the public and authorized institution such as pesantren. The symptoms of Islamic literature can be traced through the publication of Islamic works in literature, activities of Islamic literature and Islamic literary discourses. The phenomenon of Islamic literature in the republic is encouraged by non-governmental bodies. This situation prevails, among others because of differences in race and religion in Indonesia. The race and religion gap does not allow the government of Indonesia to promote the agenda of Islamic literature officially.

Key words: Islamic literature, dakwah, Islamic arts, Islamic revivalism, literary phenomenon

PENDAHULUAN

Pada awal dekad 70an, kebangkitan semula gerakan Islam atau gerakan dakwah secara global memberi kesedaran dan kesan yang signifikan dalam kalangan masyarakat. Shafie Abu Bakar (2000: 432) menyatakan kesedaran baharu ini menyebabkan Islam diterima sebagai *ad-Deen*, atau sebuah agama sempurna yang merangkumi pelbagai aspek termasuklah dalam bidang penulisan dan sastera. Keadaan ini menurut beliau membolehkan “fenomena baharu yang mencetuskan sastera Islam”.

Di Indonesia rata-rata sastera Islam diterima dan didefinisikan sebagai sastera yang tercetus dari seni Islam yang luas, yang mana ia didasari oleh tauhid dan akhlak dengan aspek kebenaran mengatasi keindahan sambil diimbangi pula dengan mutu karya sastera yang lazim. Sastera Islam juga disebut mestilah menampilkan kesan baik serta menonjolkan hal-hal makruf dengan inti cerita berada dalam lingkungan syariah. Kebiasaannya pengkaji-pengkaji karya sastera Islam turut mengambil kira peribadi penulisnya memandangkan ia adalah ibadah, berfungsi sebagai suatu dakwah dan dapat memberi manfaat kepada masyarakat secara menyeluruh.

Ternyata, meskipun sastera Islam telah lama wujud tetapi penjajahan kuasa Barat terhadap negara umat Islam termasuk Indonesia telah mengakibatkan sastera Islam terabai buat seketika. Namun, ia kembali semula pada dekad 1970an. Terlepas daripada beberapa perbincangan tentang sastera dan Islam yang bersifat terpinggil dan terpinggir sebelum itu, sastera Islam pada dekad berkenaan muncul sebagai satu fenomena yang cukup meluas, khususnya di Indonesia.

Makalah ini bagaimanapun hanya ingin memberi sumbangan kecil dalam dunia keilmuan dengan mengenalpasti pihak dan individu yang telah mengukuhkan gagasan sastera Islam di Indonesia. Untuk tujuan itu, kajian adalah terhad untuk memastikan sejauh manakah terdapat dukungan pemerintah, badan-badan kerajaan dan bukan kerajaan, dalam aktiviti kesusasteraan bercorak Islam sehingga ia menjadi satu fenomena.

FENOMENA SASTERA ISLAM DI INDONESIA

Istilah fenomena, menurut *Kamus Dewan* (2000: 351) ialah “sesuatu kenyataan atau kejadian yang dapat diperhatikan”. Sumber tersebut juga memberi takrifan kedua yakni “sesuatu kenyataan atau kejadian yang dapat diberikan, dan dijelaskan secara saintifik”.

Di samping itu, salah sebuah laman ensiklopedia yang lain iaitu <http://en.wikipedia.org/wiki/Phenomenon> pula mengaitkan istilah fenomena dengan ahli falsafah Immanuel Kant. Ahli falsafah Kant menjelaskan fenomena ialah “satu pengalaman yang dapat difahami dengan mengkaji proses pengalaman tersebut”. Justeru istilah fenomena bertentangan dengan istilah ‘noumenon’ yang menggambarkan satu keadaan yang tidak dapat dijelaskan dengan fakta, atau satu-satu pengalaman yang terbit tanpa sebab atau dasar. Menurut laman ensiklopedia ini lagi, dalam bidang sains tertentu istilah fenomena dikaitkan dengan siri gejala yang dapat diperhatikan sebelum berlaku sesuatu seperti pergerakan angin yang kuat dan laju yang bakal menyebabkan ribut taufan, atau gegaran bumi sebagai tanda akan berlakunya letusan gunung berapi.

Dalam konteks kajian ini definisi di atas membolehkan satu kesimpulan diambil iaitu fenomena sastera Islam “melibatkan tanda-tanda, kenyataan, kejadian, suasana persekitaran semacam kehebohan yang melibatkan sastera Islam secara meluas, dapat dirasai, dan diperhatikan serta dianalisis kerana pengaruhnya yang tersebar itu”. Berdasarkan pemahaman inilah soal sastera Islam sebagai satu fenomena akan ditangani dalam kajian ini.

Sebelum dijelaskan lebih lanjut mengenai fenomena sastera Islam di Indonesia wajar ditekankan di sini bahawa di Indonesia terdapat pelbagai nama yang merujuk kepada sastera Islam. Antara nama yang digunakan ialah ‘sastera bertema Islam’, ‘sastera bernafaskan Islam’ dan ‘sastera keagamaan’, yang dalam hal ini merujuk kepada agama Islam (Ungku Maimunah Mohd Tahir 1990: 3). Ini kerana ‘sastera keagamaan’ juga boleh merujuk kepada agama-agama lain seperti Kristian. ‘Sastera keagamaan’ yang disebutkan di dalam kajian ini akan khusus merujuk kepada sastera Islam kecuali diberitahu sebaliknya.

Gagasan sastera Islam itu pula diberikan pelbagai nama atau istilah oleh sejumlah tokoh penulis dan sarjana. Gagasan-gagasan ini akan dibincangkan secara lebih mendalam di dalam bahagian seterusnya.

Menurut Abdul Hadi W.M (1987: 5), seorang penyair dan sarjana sastera di Indonesia, ‘karya-karya keagamaan’ telah lahir sejak tahun 50an dan awal 60an lagi. Beliau menyebut nama-nama seperti Abdul Muis, Amir Hamzah, Hamka, Ali Hajsmy, Abu Hanifah, Bachrum Rangkuti, Samadi dan Armin Pane sebagai penulis karya keagamaan. Generasi penulis kemudiannya iaitu Mohammad Diponegoro, AA Navis, Djamil Suherman, Saribi Afn, Taufiq Ismail, Ajip Rosidi, Goenawan Mohammad, Mahbub Junaidi, Alwan Rafsiri, Mohamad Ali dan Asrul Sani juga turut disebut oleh beliau sebagai pengarang-pengarang yang telah memilih ‘tema keagamaan’.

Abdul Hadi bagaimanapun menjelaskan gagasan mengenai ‘sastera keagamaan’ pada tahun-tahun 50 dan 60an ini masih “belum mendapat bentuknya”, tambahan pula gagasan-gagasan sastera dari barat seperti “eksistensialisme dan realisme sosial lebih mendapat tempat”. Hujah Abdul Hadi ini dapat menjadi indikasi bahawa sastera Islam belum menjadi satu fenomena yang dominan pada waktu itu di Indonesia. Kedudukan ini juga dapat dilihat di Malaysia pada waktu yang sama seperti yang telah dijelaskan sebelum ini. Goenawan Mohamad (Kratz 2000: 549) seorang lagi penyair Indonesia sependapat dengan Abdul Hadi bahawa genre ‘sastera keagamaan’ sudah bemula di Indonesia sejak awal tahun 60an dengan ‘kemunculan karya-karya Fridolin Ukur, Suparwata Wiraatmadja, Mohammad Diponegoro serta novel-novel Djamil Suherman’. Seorang lagi pengarang Ajip Rosidi (1988: 143) bagaimanapun berpendapat hasil sastera Islam ‘sangat kurang sekali’ dalam tahun 60an¹.

Walaupun sastera Islam belum boleh dianggap sebagai satu fenomena, dewasa itu, perbincangan atau perdebatan mengenai peranan Islam di dalam sastera atau sebaliknya, telah pun mendapat tempat di dalam kesusasteraan Indonesia sejak awal tahun 50an lagi.

Terdapat dua keadaan yang dapat menunjukkan hal ini. Keadaan pertama dapat dilihat pada perbincangan tentang kedudukan sastera di dalam Islam yang telah melibatkan antara lain penulis, dan ulama bernama Hamka bermula seawal tahun 1939 hingga tertubuhnya Musyawarah Seniman dan Kebudayaan Islam dalam tahun 1961.

Hamka atau nama sebenarnya Abdul Malik Karim Amrullah memiliki kedudukan yang penting dalam dunia sastera Indonesia (Steenbrink 1994: 132-133). Selain melibatkan diri dalam politik secara aktif menerusi parti dan gerakan seperti Masjumi dan Muhammadiyah, beliau juga adalah penulis kitab-kitab agama seperti *Tafsir al Azhar* dan sejumlah novel seperti *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijk* dan *Di Bawah Lindungan Kaabah* (Abdul Rahman Abdul Aziz 2002: 1-6).

Keadaan kedua merujuk kepada kekecohan yang timbul apabila majalah *Sastra* edisi Ogos 1968 yang dipimpin oleh H.B Jassin menyiarkan sebuah cerpen berjudul *Langit Makin Mendung* karya seorang penulis dengan nama pena Kipandjikusmin. Pengarang, dalam cerpen ini, telah menggambarkan Nabi Muhammad SAW turun ke dunia bersama malaikat Jibrail dalam perjalanan menuju ke Indonesia dan bagaimana watak Rasulullah SAW telah kecewa melihat kemerosotan akhlak umat Islam. Rata-rata masyarakat Islam menganggap cerpen ini menghina Islam dan mencemar kesucian Rasulullah SAW sehingga menimbulkan bantahan besar. Ekoran dari itu timbul polemik mengenai kebebasan berimaginasi

di dalam penciptaan karya (HB Jassin 1972). Meskipun sastra Islam belum benar-benar dapat dikatakan menjadi satu fenomena dewasa itu, kedudukan sastra di dalam Islam telah dibahas secara meluas khususnya apabila terhasilnya buku berjudul *Polemik: Suatu Pembahasan Sastra dan Kebebasan Mencipta Berhadapan Dengan Undang-undang dan Agama*.

FAKTOR-FAKTOR KEMUNCULAN SASTERA ISLAM

Kebangkitan umat Islam sedunia dalam tahun 70an sedikit banyak turut memberi kesan kepada masyarakat Islam Indonesia. Sebagai contoh, Faruk, seorang sarjana sastra di Indonesia (1998: 6), tidak menolak kehadiran sastra Islam yang menurut beliau dapat dihubungkan dengan kebangkitan umat Islam secara menyeluruh. Beliau mengatakan "...kemungkinan adanya seni sastra Islam itu cenderung dikaitkan dengan soal kebangkitan kembali Islam".

PERMULAAN FENOMENA SASTERA ISLAM

Fenomena sastra Islam di Indonesia dapat dilihat dengan jelas dalam tahun-tahun 70an. Menurut Abdul Hadi W.M. (1989: 83) sastra Islam dapat dikatakan menjadi suatu fenomena meluas dengan kemunculan penulis angkatan 70an yang amat cenderung menulis 'karya-karya sufistik'.

Kehadiran karya-karya (khususnya genre puisi) yang 'bersifat kesufian' oleh penulis-penulis seperti Abdul Hadi W.M., Kuntowijoyo, Danarto, Sutardji Calzoum Bachri dan M. Fudoli Zaini dalam tahun 70an telah diterima oleh khalayak sastra dengan baik sekali. Kelompok penyair ini diteruskan pula oleh penulis-penulis awal 80an yang mempunyai kecenderungan sama. Antara penyair tersebut ialah Afrizal Malna, Hamid Jabbar, Kriapur, D. Zawawi Imron, Emha Ainun Nadjib dan Heru Emka.

Kemunculan mereka di atas diperkukuhkan dengan pengemukaan gagasan 'sastra transendental' oleh Kuntowijoyo (1982: 4) di 'Temu Sastra' pada 6 hingga 8 Disember 1982. Majlis sastra tersebut telah dihadiri oleh khayalak sastra yang penting. Ia juga telah mendapat liputan yang besar oleh media massa. Ini membolehkan gagasan 'sastra transendental' disambut hangat oleh sebahagian penulis (Abdul Hadi W.M. 1992: 12).

Penglibatan kerajaan atau pemerintah Indonesia dalam mengukuhkan kedudukan sastra Islam tidak berlaku secara langsung dan signifikan. Sastra Islam sebagai satu fenomena di Indonesia bagaimanapun lebih jelas dapat dikesani menerusi peranan secara langsung badan bukan kerajaan seperti kumpulan-kumpulan sastra dan pertubuhan agama. Pengukuhan gejala sastra Islam di Indonesia dapat dikesan menerusi pertama, penganjuran majlis baca puisi Islam dan teater Islam; kedua, menerusi penerbitan karya serta perbincangan sekitar sastra Islam; ketiga, menerusi diskusi dan ceramah kebudayaan.

Penglibatan Badan Bukan Kerajaan

Penglibatan badan bukan kerajaan sangat penting di dalam penyebaran sastra Islam di Indonesia. Terdapat banyak contoh untuk mengukuhkan kenyataan ini tetapi hanya beberapa contoh yang berkenaan sahaja akan dipaparkan di dalam kajian ini.

Sepanjang tahun 70an dan 80an kemunculan penyair-penyair dengan kecenderungan ‘sufistik’ turut ditandai dengan majlis-majlis baca puisi Islam yang dianjurkan oleh pelbagai badan bukan kerajaan. Lazimnya majlis baca puisi ini diadakan sempena hari-hari kebesaran di dalam Islam. Puisi-puisi Islam Taufik Ismail misalnya dinyanyikan oleh penyanyi seperti Bimbo sementara lagu-lagu dangdut Rhoma Irama pula cenderung berbau keislaman, yang kesemuanya menunjukkan Islam telah menjadi satu fenomena yang dapat dilihat. Keadaan ini, menurut Ungku Maimunah (1990: 7) yang pernah mengkaji fenomena sastra Islam di Indonesia, jelas menunjukkan wujudnya penerimaan karya-karya tertentu sebagai ‘Islam’ dan sesuai pula untuk dipersembahkan pada majlis-majlis kebesaran Islam, “*This would suggest a perception and recognition of certain literary works as appropriate for Islamic occasions and Muslim audience*”. Ini bermakna terdapat semacam pembahagian antara karya yang diiktiraf sebagai Islam dan bukan Islam.

Selain majlis baca puisi Islam, pementasan teater Islam turut diadakan dengan begitu meluas sekali. Pementasan teater dari adaptasi puisi panjang Emha Ainun Nadjib berjudul *Lautan Jilbab* misalnya mendapat sambutan hangat apabila dipentaskan di Universitas Gajah Mada pada 10 dan 11 September 1988². Perlu disebutkan di sini pementasan teater Islam telah pun rancak dianjurkan sejak tahun 1961 oleh Majlis Seniman Budayawan Islam (MASBI).

Di samping itu, sehingga tahun 1986 sejumlah 510 drama radio, 306 drama pentas, 80 drama televisyen, 98 kegiatan sastra, 70 kali pameran

lukisan dan 112 pertunjukan tarian ‘bernafaskan Islam’ telah dianjurkan oleh Majlis Seniman Budaya Islam. Penganjuran ini adalah hasil kerjasama dengan bahagian budaya dan seni badan-badan dakwah tertentu seperti LESBUMI (Nahdatul Ulama), ISBM (Muhammadiyah), LEKSI (Perti) dan LESBRA (Al Washliyah) (Hamdy Salad 2000: 98).

Penubuhan Teater Muslim pada tahun 1963 oleh Muhammad Diponegoro yang kemudiannya dipimpin oleh Pedro Sudjono melahirkan antara lain naskah drama Islam seperti *Isra*, *Maulid* dan *Dewi Masyitah* oleh Yunan Helmy Nasution, *Laila Majnun* oleh Bahrum Rangkuti, *Iblis* oleh Muhammad Diponegoro, *Makkah al Mukarramah* karya Emil Santosa, *Islamnya Umar* oleh Nur Alim dan *Telah Pergi Ia Telah Kembali Ia* hasil tulisan Ariffin C. Noer. Keadaan ini membuktikan fenomena sastera Islam turut berlaku di Indonesia, ia merentasi semua genre, dan didukung oleh badan-badan dakwah utama seperti Nahdatul Ulama dan Muhammadiyah.

Selain pertubuhan dakwah, institusi Islam yang penting seperti pesantren pula turut mengemukakan apa yang dinamakan sebagai ‘kesenian dan kesusasteraan pesantren’. Kesenian pesantren yang dimaksudkan adalah persembahan sejumlah penyair Islam yang selain berpuisi dan bermain alat-alat muzik, turut berteater dengan iringan zikir, selawat dan nasyid. Persembahan seperti ini dinamakan ‘seni selawat’. Penglibatan sasterawan-sasterawan Islam terkemuka, dan penyiarannya di media elektronik, menunjukkan sastera Islam telah menjadi satu fenomena. Zainal Arifin Toha (2002: 83) dalam pengamatannya merumuskan seperti berikut:

Kesenian pesantren sebagai gudang inspirasi dan basis kesenian masyarakat santri, rupanya mulai dilirik kembali keberadaannya, terutama setelah belakangan ini mulai muncul di layar kaca televisi berbagai jenis kesenian pesantren; yang mengembangkan seni shalawat.

Fenomena ini sebenarnya dapat dilacak, mulai dari semenjak WS Rendra dengan beberapa seniman Muslim mengusung shalawat al barzanji di panggung teater, yang memboyong dan memadukan syair dan irama shalawat dengan drama modern, kemudian diperindah dengan gerakan-gerakan tari sufistik yang khas.

Pembacaan puisi Islam ini turut dikemukakan oleh penyair-penyair yang juga merupakan ‘kiyai’ atau guru pesantren seperti KH A Mustofa Bisri dan D. Zawawi Imron ketika ‘festival kesenian pesantren’. Institusi pesantren turut aktif mempersembahkan teater Islam. Santri atau ‘pelajar di pesantren’ misalnya mementaskan teater *Orang-orang Gua* yang merupakan adaptasi dari kisah ‘Ashabul Kahfi’ dari al-Quran.

Selain majlis baca puisi Islam dan teater Islam, diskusi mengenai kedudukan sastra di dalam Islam turut dianjurkan dengan meluas. Badan-badan dakwah bukan kerajaan seperti Muhammadiyah misalnya telah mengeluarkan satu pedoman untuk amalan hidup cara Islam bagi anggota Muhammadiyah yang turut merangkumi aspek kesenian. Badan ini telah menganjurkan “diskusi intensif berbentuk *round table*” yang dinamakan ‘halaqah tarjih’ untuk membicarakan dan mendapatkan panduan khusus mengenai seni dan amalannya dalam Islam³. Kegiatan-kegiatan berupa perbincangan mengenai sastra Islam juga sering dianjurkan oleh kumpulan-kumpulan sastra. Antara lain ialah ceramah kebudayaan sempena perayaan aidiilfitri oleh penyair karya Islam Emha Ainun Nadjib di Balai Sidang Jakarta⁴. Majlis-majlis pembicaraan karya turut dianjurkan seperti perbincangan mengenai karya-karya ‘sufi’ Danarto⁵. Diskusi kesusasteraan Islam yang juga diadakan di institut-institut pengajian tinggi⁶ turut merencanakan fenomena sastra Islam di Indonesia.

Selain baca puisi Islam dan diskusi sastra, penerbitan karya dan perbincangan mengenai sastra Islam juga dapat dikesan di Indonesia. Majalah sastra yang terkenal di Indonesia iaitu *Horison* misalnya menyambut fenomena ini dengan memperuntukkan satu edisi pada bulan Jun 1984 untuk membicarakan khusus mengenai sastra Islam. Ia adalah sempena bulan Ramadhan tahun tersebut dan dimuatkan dengan tulisan-tulisan mengenai sastra Islam dari penulis-penulis seperti Taufiq Ismail, Emha Ainun Nadjib, Abdul Rahman Wahid, Yusril Ihza Mahendra dan Irawan Sandhya Wiraatmaja. Pemilihan bulan Ramadhan, sebuah bulan yang suci di dalam Islam, untuk edisi khas ini menunjukkan sastra Islam sudah pun mendapat tempat di dalam kesusasteraan Indonesia. Sidang editorial majalah turut menjelaskan di dalam pengantarnya bahawa pemilihan fokus tersebut dibuat setelah menimbangkan kehadiran banyak esei dan karya sastra yang berlegar kepada persoalan sastra Islam:

Gagasan menghadirkan *Horison* dalam satu nomor khusus bertolak dari banyaknya tersedia di meja redaksi naskah yang mengupas masalah yang sama, Islam dan seni. Untuk melengkapi naskah yang telah tersedia itu, kami lalu meminta beberapa karangan yang khusus ditulis untuk nomor khusus ini. Kami memilih *Horison* Juni kerana ketepatan waktu terbitnya jatuh di pertengahan bulan Ramadhan⁷.

Horison bagaimanapun bukanlah satu-satunya penerbitan yang membantu menyebarkan sastra Islam. ‘Akhbar kecil’ seperti *Pelita*, *Suara Muhammadiyah* dan *Berita Buana* yang dipimpin antara lain oleh Abdul Hadi WM bertanggungjawab mempromosikan gagasan

‘Sastera Transendental’ dan ‘sastera profetik’ dengan penyiaran puisi-puisi dan wacana mengenai konsep sastera Islam.

Harus ditekan sekali lagi ‘Sastera Transendental’ seperti yang telah disebutkan lebih awal, dikemukakan oleh Kuntowijoyo dalam satu majlis ‘Temu Sastra’. Gagasan sastera ini kemudian telah menerima sambutan hangat dari sesetengah para sasterawan Indonesia sebagai sebuah gagasan sastera Islam. Justeru kehadiran ‘akhbar-akhbar kecil’ ini memainkan peranan penting dalam menyebarkan gagasan sastera Islam tertentu.

Selain ‘akhbar-akhbar kecil’ tadi, sebuah jurnal akademik bernama *Jurnal Ulumul Quran* turut menyiarkan perbincangan-perbincangan mengenai sastera Islam secara akademik. Pada waktu itu juga majalah *Panji Masyarakat* dengan slogan ‘Medan ilmu pengetahuan dan kebudayaan untuk dakwah dan pembangunan umat’ giat mengenengahkan konsep seni dan sastera Islam. Salah seorang ahli sidang redaksi majalah ini ialah Hamka, seorang ulama terkenal yang bergiat dalam bidang sastera.

Penerbitan karya bagaimanapun tidak terhad setakat pada majalah, akhbar dan jurnal sahaja tetapi juga dapat dilihat menerusi kelahiran banyak karya kreatif atas nama Islam. Dewasa ini fenomena sastera Islam di Indonesia dapat dikesan dengan lebih jelas dan ketara berbanding tahun-tahun sebelumnya. Perlu ditekankan di sini fenomena ini rata-rata dilihat sebagai satu reaksi kepada kebanjiran novel erotik. Keadaan ini dicetuskan oleh kelahiran Forum Lingkar Pena (selepas ini FLP) pada 22 Februari 1997 yang dipimpin oleh Helvy Tiana Rossa, seorang graduan jurusan sastera Arab Universitas Indonesia. Ikatan atau hubungan yang longgar sesama penulis di bawah FLP ini bertanggungjawab melahirkan fenomena NORI atau ‘novel remaja Islam’ dalam tahun 90an. Hal ini akan disentuh dalam bahagian seterusnya.

Jaringan penulis di bawah FLP telah melebar hingga ke seratus buah kota di Indonesia dan luar Indonesia serta tidak terbatas di Jakarta sahaja sebagai pusat kegiatannya. Jika diukur dari segi jumlah cawangan, FLP ternyata mempunyai pengaruh yang besar dan diterima secara meluas.

Cawangan-cawangan FLP ini pula telah menerbitkan karya anggota-anggotanya yang menyebabkan kebanjiran karya-karya Islam secara amat meluas. Selain itu FLP didukung oleh majalah sastera yang memuatkan fiksyen untuk remaja iaitu *Annida*. Majalah tersebut bukan sekadar menerbitkan karya-karya sastera Islam khusus untuk remaja tetapi turut menganjurkan ‘Lomba Cerpen Islami’ di peringkat kebangsaan yang menyemarakkan kehadiran sastera Islam. Harus diingat sebelum ini pertandingan karya sastera Islam memang ada dianjurkan tetapi kurang mendapat perhatian.

Kehadiran FLP ini bukanlah suatu keadaan yang terpencil dalam sastera Indonesia. Ini dapat dibuktikan menerusi pembabitan syarikat penerbitan terkenal yang menerbitkan karya-karya ahli FLP. Seperti yang telah disebut lebih awal, FLP telah menerbitkan karya-karya ahlinya secara gigih. Sejak tahun 1997 sahaja lebih dua ratus judul novel remaja Islam atau NORI diterbitkan. Penerbit-penerbit buku utama di Indonesia yang menyedari sambutan luar biasa yang diberikan kepada FLP, mula bekerjasama dengannya untuk menerbitkan karya-karya 'sastera Islam remaja' (ada juga yang menamakannya sebagai *teen-lit*) secara besar-besaran. Antara penerbit besar dan berpengaruh yang ikut menceburkan diri dalam penerbitan ini ialah Syaamil (Bandung), Mizan (Bandung), Era Intermedia (Solo), D & D Publishing House (Solo), Pustaka Annida (Jakarta), FBA Press (Depok), Gunung Agung (Jakarta), Pustaka Ummat (Bandung), Zikrul Bayan (Jakarta), Ghalia (Jakarta), Gramedia (Jakarta) dan Senayan Abadi (Jakarta). Pada tahun 2003, FLP menubuhkan Yayasan Lingkar Pena yang menjadi 'badan hukum FLP'. Ini telah mendorong kelahiran penerbitan milik mereka sendiri yang diberi nama 'FLP Publishing House' (Helvy Tiana Rosa 2002).⁸

Karya-karya ahli FLP ini boleh dicam menerusi pelbagai ilustrasi pada kulit hadapannya. Ia juga dapat dicam menerusi wujudnya penerapan ayat-ayat al Quran dan Hadis pada karya selain halaman awal lazimnya bermula dengan 'basmalah'. *Blurb* pada kulit buku biasanya memperagakan karya tersebut sebagai karya sastera Islam. Keadaan ini membuktikan kegiatan sastera Islam di Indonesia amat terasa dalam tahun 90an berbanding dasawarsa sebelumnya dalam erti kata penerbit tanpa ragu lagi menerbitkan karya-karya dengan label Islam.

Penglibatan Kerajaan

Seperti yang telah dijelaskan di awal, kerancangan sastera Islam di Indonesia didorong oleh penglibatan badan-badan bukan kerajaan. Ini tidak pula bermakna kerajaan Indonesia tidak langsung memainkan peranan dalam penyebaran sastera Islam. Peranan tidak langsung pemerintah Indonesia kelihatan pada tahun 1956 apabila Kementerian Agama Indonesia mengarahkan penubuhan Himpunan Seni Budaya Islam atau HSBI yang kemudiannya menubuhkan Majlis Seniman Budayawan Islam (MASBI). Majlis ini telah dipengerusikan oleh ulama dan penulis, Hamka. Pada tahun 1961, MASBI menganjurkan pertemuan sastera dengan nama Musyawarah Seniman Budayawan Islam (Kratz 2000: 475-480). Perbincangan mengenai hasil Musyawarah ini akan disentuh kemudian.

Apa yang perlu ditekankan di sini ialah kewujudan MASBI menunjukkan pihak pemerintah Indonesia telah memberikan sumbangan secara tidak langsung dalam perkembangan sastera Islam di negara tersebut.

Selain itu adalah perlu disebutkan di sini, meskipun pemerintah Indonesia kelihatan tidak menyumbang kepada kerancangan fenomena sastera Islam, beberapa anugerah yang diberikan kepada tokoh-tokoh yang sering membicarakan gagasan sastera Islam menunjukkan tokoh-tokoh penulis ini juga diiktiraf secara tidak langsung. Antara tokoh yang dimaksudkan ialah A.A Navis penerima Satyalencana Kebudayaan (oleh Departemen Pendidikan dan Kebudayaan) tahun 2000. Kerajaan Indonesia juga memberikan Hadiah Seni untuk Amir Hamzah (1969), Taufiq Ismail (1970), Abdul Hadi W.M. (1979) dan Sutardji Calzoum Bachri (1993). Tidak terkecuali juga penganugerahan Hadiah Yayasan Buku Utama untuk karya-karya berunsur Islam seperti *Kubah* (1980) oleh Ahmad Tohari dan *Adam Ma'rifat* (1982) oleh Danarto. Ini termasuklah pemilihan tokoh-tokoh penulis untuk menerima *SEA Write Award* iaitu Sutardji Calzoum Bahcri (1979), Abdul Hadi W.M. (1985), Danarto (1988), A.A Navis (1992), Taufiq Ismail (1994), Ahmad Tohari (1995), Kuntowijoyo (1999) dan Wisran Hadi (2000) (Pamusuk Eneste 2001: 273-277).

Tokoh-tokoh penulis di atas umumnya sering dikaitkan dengan pembicaraan tentang gagasan sastera Islam, dan anugerah-anugerah yang diberikan kepada mereka ini menunjukkan adanya pengiktirafan terhadap hasil kerja mereka secara menyeluruh termasuklah karya yang diperagakan sebagai sastera Islam.

KESIMPULAN

Perbincangan di atas jelas menunjukkan bahawa sastera Islam muncul sebagai suatu fenomena atau gejala di Indonesia dalam tahun 70an. Seperti yang telah ditunjukkan, kedudukan sastera dan Islam telah dibincangkan dengan meluas sejak tahun 50an tetapi hanya menjadi satu fenomena dalam tahun 70an. Faktor yang dipercayai mendorong kerancangan sastera Islam ialah kerana kebangkitan Islam di seluruh dunia yang turut memberi kesan kepada umat Islam di Indonesia.

Seterusnya, gagasan sastera Islam telah lahir dan didukung sepenuhnya oleh badan-badan bukan kerajaan seperti kelab atau kumpulan sastera. Pertubuhan-pertubuhan dakwah yang utama seperti Nahdatul Ulama dan Muhammadiyah serta institusi Islam berpengaruh seperti

pesantren juga tidak ketinggalan memberikan sumbangan dalam menyebarkan fenomena kesusasteraan bercorak Islam ini.

Perbincangan di atas telah memperlihatkan kehadiran sastera Islam sebagai satu fenomena dalam kesusasteraan Indonesia. Fenomena ini berlaku dengan penglibatan aktif badan-badan dakwah. Ia juga terjadi kerana sambutan hangat masyarakat, dan dukungan pihak berautoriti seperti pemerintah atau institusi Islam, termasuk badan sastera. Di Indonesia, pihak berautoriti yang dimaksudkan antara lain ialah institusi pesantren.

NOTA

- ¹ Lihat juga Ajip Rosidi. 1970. Permasalahan Islam dalam roman Indonesia. Dlm. *Masalah angkatan dan periodisasi sejarah sastra Indonesia*. Jakarta: Pustaka Jaya.
- ² Anon. 1988. Sebuah potret nasib wanita berjilbab. Artikel Dlm. *Berita Buana*, Oktober 4.
- ³ Sila lihat, M. Thoyibi. et al. 2003, hlm. 3-5.
- ⁴ Ceramah Silaturrahmi Idulfitri 1411 Hijrah, 13 Mei 1991 oleh Emha Ainun Nadjib anjuran DMI BPPMI BKPMI al Hidayah di Balai Sidang Jakarta. Emha membicarakan mengenai seni Islam membawa kepada Taqarub.
- ⁵ Acara diskusi sastera 'Cerpren-cerpren Danarto', anjuran Dewan Kesenian Jakarta, Taman Ismail Marzuki, 13 Februari 1992.
- ⁶ Diskusi 'Kesusasteraan Dalam Islam', anjuran Universitas Muhammadiyah Surakarta, 17 November 1988. Panel terdiri daripada Emha Ainun Nadjib, Abdul Hadi WM dan Danarto.
- ⁷ Pengantar Redaksi, *Horison*, Jun, 1984.
- ⁸ Helvy Tiana Rosa, 'FLP: penulis 100 kota'. 2002. Ia merupakan kertas kerja yang disampaikan oleh beliau di dalam sebuah diskusi di University of Wisconsin, Madison, Amerika Syarikat. Kertas ini adalah bahan belum terbit.

RUJUKAN

- Abdul Hadi, W.M. 1987. Aspek sosial sastra sufi. *Pelita*, Januari 21.
- Abdul Hadi, W.M. 1989. Pesantren tasawuf dan sastra. *Majalah Amanah*, September.
- Abdul Hadi, W.M. 1992. Kembali ke akar tradisi sastra transendental dan kecenderungan sufistik kepengarangan di Indonesia. *Jurnal Ulumul Quran* III(3): 12-29.
- Abdul Rahman Abdul Aziz. 2002. *Pemikiran dan Etika Hamka*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors.
- Ajip Rosidi. 1970. Permasalahan Islam dalam roman Indonesia. Dalam *Masalah Angkatan dan Periodisasi Sejarah Sastra Indonesia*. Jakarta: Pustaka Jaya.
- Ajip Rosidi. 1988. Permasalahan Islam dalam roman Indonesia. Dalam *Sejarah Sastra Indonesia*. Jakarta: Bina Aksara.

- Anon. 1988. Sebuah potret nasib wanita berjilbab. *Berita Buana*, Oktober 4.
- Faruk. 1998. Sastra Islam dalam dua sistem nalar: Kasus sastra Melayu/Indonesia. Dalam *Sastra dan Budaya Islam Nusantara*. Jogjakarta: IAIN Sunan Kalijaga.
- Hamdy Salad. 2000. *Agama Seni*. Jogjakarta. Yayasan Semesta.
- HB Jassin. 1972. *Polemik: Suatu Pembahasan Sastera dan Kebebasan Mencipta Berhadapan dengan Undang-undang dan Agama*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Helvy Tiana Rosa. 2002. FLP, penulis 100 kota. Makalah dibentangkan di University of Wisconsin, Madison, United States.
- Kamus Dewan*. 2000. Edisi ke-3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kratz, E.U. 2000. *Sumber Terpilih Sejarah Sastra Indonesia Abad XX*. Jakarta: Gramedia.
- Kuntowijoyo. 1982. Saya kira kita memerlukan juga sebuah sastra transendental. *Berita Buana*, Disember 21.
- Muhammad Thoyibi & Khisbiyah Yayah & Aly Abdullah. 2003. *Prolog, Sinergi Agama dan Budaya Lokal*. Surakarta: Muhamadiyah University Press.
- Pamusuk Eneste. 2001. *Buku Pintar Sastra Indonesia*. Jakarta: Kompas.
- Shafie Abu Bakar. 2000. Persuratan Melayu: Pengucapan tamadun Islam. Dalam *Tamadun Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Steenbrink, K. 1994. Hamka and the Integration of Islamic Ummah. *Studia Islamika* 1(3). London: t.pt.
- Ungku Maimunah Mohd Tahir. 1990. Islam in modern Indonesian literature 1966-1980s: Some preliminary observations. Dlm. *Teaching and Research Exchange Fellowships Report No 5*. Singapura: Southeast Asian Studies Program.
- Zainal Arifin Toha. 2002. *Eksotisme Seni Budaya Islam: Khazanah Peradaban dari Serambi Pesantren*. Jogjakarta: Bukulaela.

Mohd Faizal Musa, Ph.D.
Felo Penyelidik
Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA)
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM, Bangi, Selangor, MALAYSIA.
E-mail: mfaizalmusa@ukm.my

